

KUIM ANJUR SEMINAR iBAF

Oleh Muhd Izawan Baharin
izawan@hmetro.com.my

INDUSTRI perbankan berteraskan Islam semakin mendapat tempat di negara ini malah diiktiraf yang terbaik di dunia.

Dengan kepelbagaian perkhidmatan dan produk yang disediakan mengikut hukum syarak, tidak hairan semakin ramai masyarakat Islam dan bukan Islam tertarik untuk

mengetahui dengan lebih lanjut mengenai industri ini serta potensinya di masa depan.

Melihat kepada potensi sektor itu, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) menganjurkan seminar Perbankan dan Kewangan Islam (iBAF) 2004 dari 2 hingga 3 Mac ini di Hotel Marriott, Putrajaya.

Serlah cabaran, potensi industri kewangan Islam

Seminar yang bertajuk Cabaran dan Persaingan Global Institusi Kewangan Malaysia itu akan menampilkan ahli panel dari industri bank dan pensyarah universiti tempatan yang akan membenteng kertas kerja mengenai potensi serta cabaran industri kewangan Islam di negara ini.

Dekan Fakulti Ekonomi dan Muarnalat KUIM, Prof Dr Muhamad Muda, berkata seminar itu adalah kali pertama dianjurkan KUIM.

"Melalui seminar ini, mereka yang terbabit dalam industri kewangan dapat berbincang dan memberi penerangan yang lebih tepat kepada peserta.

"Saya yakin ia akan mendapat sambutan kerana ruang untuk sistem kewangan berteraskan Islam dan Takaful semakin berkembang," katanya.



KEWANGAN ISLAM...Dr Mohamad menunjukkan kertas kerja yang akan dibentangkan.

Menurutnya, produk dan perkhidmatan Islam mendapat sambutan hebat kerana menepati ciri-ciri Islam dan bebas daripada unsur seperti riba.

Beliau berkata, seminar itu juga diharap dapat membantu institusi bank mempromosikan kebalikan produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

"Pembabit institusi pengajian tinggi (IPT) dalam penganjuran seminar ini sedikit sebanyak membantu memberi penerangan yang lebih jelas sekiranya mempromosikan sektor kewangan Islam," katanya.

Seminar ditaja BIMP

manakala Syarikat Takaful Malaysia Bhd dan Bank Muamalat (M) Bhd sebagai penaja bersama.

Bagi mereka yang berminat, yuran RM500 dikenakan kepada mereka yang terbabit dalam industri bank dan RM300 dikenakan kepada ahli akademik dan orang ramai.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Dr Muhamad di talian 03-42892171 atau emel mmuda@admir.kuim.edu.my, Nor Haziha Hashim (03-42892258) dan Zurina Kefeli (03-42892074) serta faks di 03-42892194.